

Tidak lelap tidur 4 setengah tahun

Bekas Ketua Pengarah JPS berkongsi cabaran bina Terowong SMART

Hanya mereka yang pernah menjadi mangsa banjir tahu betapa takut dan bimbangannya perasaan ketika air naik mendadak serta tiada tempat berlindung ketika itu.

Itulah luahan bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Paduka Dr Keizrul Abdullah yang menceritakan pengalamannya berdepan banjir besar yang melanda Kuala Lumpur pada 1971.

Walaupun peristiwa itu berlaku lebih empat dekad, saat getir itu masih terpahat dalam ingatannya. Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein terpaksa mengumumkan darurat kerana hampir 60 peratus kawasan Kuala Lumpur tenggelam pada kejadian awal 1971.

"Tidak seperti sekarang yang bantuan disediakan setiap kali banjir, termasuk memindahkan penduduk. Ketika banjir besar itu, kami sekeluarga tinggal di Jalan Ipoh. Saya baru masuk Universiti Malaya.

"Hujan berterusan tiga hari. Air naik mendadak. Mula-mula semua peralatan diletakkan di atas meja tetapi air terus naik. Kami benar-benar bimbang kerana tiada tempat untuk berlindung. Air naik lebih sekaki.

Banjir beri hikmah

"Bagaimanapun, banjir ini membawa hikmah dalam hidup saya. Dari sinilah saya mula berminat untuk mendalami bidang kejuruteraan air kerana mahu membantu mengatasi masalah banjir," katanya yang ditemui di kediamannya di Damansara, baru-baru ini.

Keizrul berkata, bagi mereka yang tidak pernah menjadi mangsa banjir mungkin sukar untuk memahami dan mendalami perasaan mereka yang pernah berdepan dengan saat getir itu.

Justeru, ketika beliau memegang jawatan sebagai orang nombor satu JPS, tebatan bagi mengatasi masalah banjir terutama di kawasan berisiko tinggi seperti ibu negara dan negeri Pantai Timur menjadi keutamaan jabatan itu.

Pencapaian tertinggi anak jati Pulau Pinang ini sepanjang kerjayanya dalam bidang kejuruteraan air adalah pembinaan Terowong SMART yang juga satu-satunya terowong seumpama itu di dunia yang mempunyai dwifungsi untuk melencongkan air sungai ketika hujan lebat bagi mengelak banjir di kawasan 'jantung' Kuala Lumpur dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Pada sekitar 1980-an, Kuala Lumpur hanya dilanda banjir dua hingga tiga kali, jumlah itu bertambah sekitar 1990-an. Bagaimanapun, apabila negara memasuki alaf baru setiap tahun banjir lebih kerap berlaku disebabkan pembangunan ti-

"Banjir besar 1971 bawa hikmah dalam hidup saya. Dari sinilah saya mula minat mendalami bidang kejuruteraan air kerana mahu bantu mengatasi masalah banjir"



Keizrul bersama isteri di kediaman mereka, di Bayu Damansara.

[FOTO ROSDAN WAHID/BH]

dak terkawal.

"Hasil kajian pada 2000 mendapati punca utama banjir di ibu negara disebabkan pertambahan air sungai sebanyak tiga kali ganda. Dulu, ketika pembangunan tidak banyak, hujan terperangkap pada pokok dan sebahagian menyerap dalam tanah. Apabila bangunan mula dibina, air tidak dapat meresap dan mengalir ke sungai, akhirnya menyebabkan banjir.

"Mahu besarkan sungai di tepi Masjid Jamek tidak boleh kerana bangunan kiri kanan. Sungai itu juga tidak boleh didalamkan kerana laluan LRT, justeru pembinaan terowong untuk mengalihkan aliran sungai adalah jalan penyelesaian terbaik.

"Ketika saya bantangan kepada Perdana Menteri (ketika itu Tun Dr

Mahathir Mohamad), beliau minta fungsi terowong ditambah kerana kos yang tinggi dan hanya digunakan ketika hujan saja.

Ubah suai terowong

"Pelan terowong itu diubah suai supaya boleh diguna untuk lalu lintas. Sejak terowong SMART dibina, banjir di bandar Kuala Lumpur berjaya dielakkan," katanya.

Mengakui tidurnya tidak lena sepanjang empat tahun setengah ketika pembinaan terowong yang menjadi antara dua projek kejuruteraan mega negara selepas Menara Berkembar PETRONAS yang dirakamkan proses pembinaannya dari awal hingga selesai oleh rancangan dokumentari antarabangsa, *National Geographic* dan *Discovery* kerana bimbang projek itu ti-

dak berjalan lancar.

"Tidak dapat digambarkan betapa lapangnya hati selepas projek ini berjaya. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah tanah jerlus yang banyak terdapat di sepanjang laluan terowong itu. Alhamdulillah ia tidak membawa sebarang masalah serius terutama kepada pengguna jalan raya," katanya.

Temu jodoh

Bercerita mengenai keluarganya, tokoh kejuruteraan air yang mempunyai perwatakan pendiam itu mendedahkan bibit percintaannya dengan isteri, Datin Anismah Ahmad, 57, bermula ketika mereka bertemu buat kali pertama di Cameron Highlands.

"Saya ke sana mengikut lawatan Persatuan Karate UM, sementara isteri pula mengikut rombongan Institut Pendidikan Guru. Kami bertemu secara tidak sengaja di Cameron Highlands dan selepas itu mula berkawan dengan berutus surat," katanya sambil mengakui perbezaan karakter menguatkan lagi jodoh mereka.

Sebelum sempat menamatkan pengajian, beliau memeluk Islam dan mengahwini isterinya yang juga pensyarah bahasa.

"Walaupun berlainan agama, kami sekeluarga rapat dengan keluarga saya. Malah, isteri sering menghubungi ibu dan bapa saya bertanya khabar dan menziarahi mereka," katanya.

Jika dulu, katanya, ketika masih berkhidmat, beliau jarang menghabiskan masa bersama keluarga. Tetapi kini, selepas bersara banyak masa digunakan untuk bersama keluarga terutama isterinya.

"Jika ke luar negara untuk menghadiri persidangan atau mesyuarat, isteri pasti menemani saya. Pernah kami menaiki bas dari Bangkok ke ibu negara yang mengambil masa 33 jam kerana ketika itu Lapangan Terbang Suvarnabhumi, Bangkok ditutup akibatunjuk perasaan kumpulan antikerajaan.

"Kami anggap sepanjang perjalanan adalah kenangan yang manis kerana dapat menghabiskan masa bersama," katanya yang setiap tahun akan memperuntukkan masa sebulan menziarahi anaknya yang menetap di Australia.

"Kebetulan saya lahir 16 Disember dan cucu yang tinggal di Australia lahir pada 15 Disember. Jadi, setiap tahun kami habiskan hujung tahun mengunjungi mereka," katanya yang membahaskan diri 'opa' kepada cucunya mengikut panggilan Belanda bagi datuk.

Walaupun sudah bersara sebagai kakitangan kerajaan, kepakarannya dalam bidang kejuruteraan air terus mendapat pengiktirafan dan beliau kini banyak menghabiskan masa memenuhi undangan untuk berkongsi kepakarannya pada peringkat antarabangsa.

